

25 JAN 2002

Malaysia-Memorandum

MALAYSIA BANTAH CARA AMERIKA LAYAN TAWANAN AL-QAEDA DAN TALIBAN

KUALA TERENGGANU, 25 Jan (BERNAMA) -- Malaysia hari ini menghantar memorandum rasmi kepada Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur, membantah layanan kasar negara itu terhadap tawanan Al-Qaeda dan Taliban.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia sependapat dengan banyak negara dan pertubuhan hak asasi manusia, termasuk Persatuan Palang Merah Antarabangsa dan Suruhanjaya Hak Asasi Antarabangsa di Geneva, bahawa tawanan Al-Qaeda dan Taliban perlu dilayan sebagai tawanan perang mengikut Konvensyen Geneva.

"Amerika yang memimpin serangan ke atas Afghanistan dalam kempennya memerangi keganasan, perlu melayani tawanan Al-Qaeda dan Taliban sebagai tawanan perang mengikut prosedur dan kaedah yang ditetapkan oleh Konvensyen Geneva berhubung tawanan perang," katanya kepada pemberita selepas menerima borang permohonan keanggotaan Umno daripada 176 anggota PAS di sini hari ini.

Syed Hamid berkata Malaysia memandang berat layanan kasar Amerika terhadap tawanan Al-Qaeda dan Taliban.

"Kita bukan membantah usaha menentang keganasan tetapi kita berpendapat tawanan Taliban dan Al-Qaeda adalah tawanan perang, oleh itu mereka tertakluk kepada Konvensyen Geneva berhubung tawanan perang," katanya.

"Keadaan sekarang, saya fikir tak memuaskan dan layanan yang diberikan tidak kelihatan berperi kemanusiaan dan dianggap keterlaluan," kata Syed Hamid.

Beliau berkata masyarakat antarabangsa dan pakar undang-undang antarabangsa berpendapat bahawa tawanan Al-Qaeda dan Taliban adalah tawanan perang dan mereka perlu dilayan mengikut konvensyen antarabangsa berhubung cara mengawal, tindakan dan cara melayan mereka.

Katanya perang ke atas Afghanistan bukan diputuskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tetapi oleh Amerika yang mengetuai kempen memerangi keganasan.

"Kita hanya minta mereka diberikan layanan sebagai tawanan perang...buat masa ini kita anggap layanan itu nampaknya kasar dan tak mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh undang-undang antarabangsa dan masyarakat antarabangsa," katanya.

Syed Hamid berkata langkah Malaysia menghantar memorandum itu, sebagai tindakan diplomatik, sudah mencukupi dalam hubungan kedua-dua negara.

Beliau yang turut ditanya mengenai filem "Black Hawk Down" yang sedang ditayang di pawagam di negara ini yang menerima kecaman hebat kerajaan Malaysia, Syed Hamid berkata kerajaan tidak perlu membuat bantahan rasmi kerana Malaysia telahpun membuat bantahan sebelum ini.

Katanya Duta Besar Amerika di Malaysia telahpun mengakui dalam kenyataan akhbaranya bahawa maklumat dalam filem itu tidak betul dan pasukan Malbatt Malaysia telah terlibat secara langsung dalam usaha menyelamatkan tentera Amerika yang dikepung oleh pasukan pemerontak Jeneral Aidid semasa operasi di Somalia.

"Duta itu turut mengakui bahawa filem itu tidak tepat dan bagi Malaysia penafian oleh Duta Amerika itu sudah mencukupi," katanya.

Sementara itu, Syed Hamid berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan Kementerian Pertahanan menghantar satu unit pasukan perubatan seramai 30 orang ke Afghanistan.

Katanya kerajaan berpendapat Malaysia tidak perlu memberi bantuan kewangan tetapi akan lebih memberi tumpuan kepada bantuan kemanusiaan

dengan menepatkan 30 anggota perubatan dan sokongan daripada Kementerian Pertahanan.

"Kita akan tengok dari semasa-kesemasa maklumat yang diterima daripada Perubuhan Bukan kerajaan (NGOs) dan pihak-pihak lain di sana sama ada akan menambah pegawai bantuan sukarela ke sana," katanya.

Syed Hamid berkata pada masa ini, pasukan sukarelawan perubatan Malaysia memberi rawatan antara 300 dan 400 pelarian Afghanistan sehari.

Sementara itu, Syed Hamid dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra berkata Malaysia menggesa pihak berkuasa Amerika Syarikat melaksanakan sepenuhnya dan dalam keadaan segera, langkah-langkah perlu bagi memastikan tawanan itu dilayani seperti manusia pada sepanjang masa.

Mereka juga mesti diberikan hak sebagai tawanan perang mengikut Artikel 13 dan 14 Konvensyen Geneva 1949.

"Malaysia menganggap tawanan ini, yang ditahan oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat akibat daripada tindakan negara itu melancarkan peperangan terhadap pengganas di Afghanistan, sebagai tawanan perang mengikut Artikel 4 Konvensyen Geneva yang berkaitan dengan Layanan ke atas Tawanan Perang 12 Ogos, 1949," katanya.

Syed Hamid berkata sebarang pertikaian mengenai status sah mereka sebagai tawanan perang mesti diputuskan oleh tribunal yang kompeten mengikut Artikel 5, Konvensyen ketiga Geneva.

"Malaysia menggesa Amerika Syarikat mendengar permintaan masyarakat antarabangsa supaya ia mematuhi sepenuhnya peruntukan-peruntukan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dalam melayani tahanan-tahanan terbabit," katanya.

-- BERNAMA

MRA AFY AFY LAT